

Mengukuhkan ekosistem media



Bersama
Anjali Kapoor.

T

Di Malaysia, kami banyak melabur dalam pelbagai program bagi menyokong organisasi berita dalam transformasi digital mereka

idak boleh dinafikan 2020 adalah tahun yang membawa banyak perubahan. Berbulan-bulan komuniti di Asia mengharungi pandemik Covid-19, yang di beberapa negara, ia bermula sejak awal tahun.

Orang ramai di seluruh rantau ini bergantung kepada organisasi berita untuk mendapat maklumat yang sah dan maklumat terkini.

Baru-baru ini, kami mengumpulkan rakan kongsi dan komuniti perniagaan pada sidang yang bertemakan *Forward Together* atau Maju Bersama. Pada sidang kemuncak maya pertama itu, kami berkongsi komitmen dalam menyokong berita dan organisasi ke wartawan berkualiti di Malaysia seiring dengan pengadaptasian ke wartawan ke dunia digital serta membangunkan perniagaan media yang mampan.

Berdasarkan perbincangan dengan penerbit dan ketua bilik berita pada peringkat awal pandemik ini, kami dimaklumkan mereka perlu memenuhi keperluan perniagaan yang segera serta kritikal.

Pada masa sama, mereka juga komited untuk menyokong transformasi digital rakan sekerja supaya tidak hanya bertahan dengan impak yang dibawa pandemik ini, tetapi dapat terus membangunkan perniagaan untuk jangka masa panjang.

Ketika saya mula berkecimpung dalam industri berita sebagai seorang wartawan lebih 20 tahun lalu, bilik berita baru saja mula mempertimbangkan bagaimana teknologi akan mengubah industri ke wartawan.

Saya tertarik dengan teknologi baru ketika itu dan menyedari peluang bagi bilik berita untuk berkongsi berita menerusi cara yang baharu dan menghasilkan kandungan dalam talian yang dapat mencapai khalayak baharu.

Saya menceburi kerjaya yang membolehkan saya membangunkan produk, bereksperimen dengan teknologi dan mencipta strategi perniagaan serta produk. Ia adalah gabungan sempurna antara minat peribadi yang mendalam terhadap teknologi dan semangat untuk memperluaskan ke wartawan kepada penonton di luar sempadan fizikal negara.

Apabila saya berkongsi pengalaman ini dengan rakan

berita kami, mereka turut berasa bahawa bilik berita perlu mengadaptasi teknologi baharu dan terus berinovasi jika ingin maju serta berkembang dan membina perniagaan digital jangka panjang.

Di Malaysia, kami banyak melabur dalam pelbagai program bagi menyokong organisasi berita dalam transformasi digital mereka. Antaranya, kolaborasi dengan Transformasi Bilik Berita dan Perniagaan Asia 2020 WAN-IFRA yang mengalu-alukan kepimpinan daripada dua organisasi berita di dalam negara, iaitu *Sin Chew Daily* serta *The Edge Malaysia*.

Kami juga menjalankan program kemahiran khusus termasuk *Video Accelerator* yang memberi Astro Awani dan TV3 akses kepada bimbingan serta latihan daripada pakar industri dan penyokongan dana untuk bereksperimen dengan strategi video digital yang mereka pelajari dalam program itu.

Kami juga sedang menjalankan program *Reader Revenue Accelerator* membantu rakan APAC termasuk *New Straits Times*, *MalaysiaKini* dan *Sin Chew* mengoptimum potensi langganan produk mereka.

Pada tahun ini, kami sudah membabitkan hampir 100 wartawan daripada 12 organisasi berita melalui program *Bootcamp Digital Media* kami dan latihan khusus produk termasuk kem penulisan *Instant Article*, video dan program ke wartawan mudah alih.

Ekosistem media di Malaysia

mempunyai kesamaan dengan banyak entiti berita di rantau ini iaitu antara penerbitan format lebar tradisional yang baru mula bereksperimen untuk versi dalam talian, penyiar yang sedang beralih ke video digital dan organisasi berita mengutamakan digital menguruskan hampir semua laporan, penyuntingan serta penerbitan mereka menggunakan telefon bimbit.

Kami faham kesan langsung dana kecemasan Covid-19 untuk komuniti baharu, namun keutamaan kami adalah terus menyokong bilik berita di rantau ini mengharungi transformasi digital yang berterusan.

Teras kepada inisiatif ini adalah menyokong pengembangan kemahiran komuniti berita di rantau ini. Kami bekerjasama dengan *Splice Media* dalam melaksanakan inisiatif seperti *Splice Lights On* apabila kami memberikan geran kewangan kepada lebih 50 organisasi bilik berita di Asia Pasifik termasuk empat penerbit di Malaysia.

Inisiatif ini penting bagi menyokong penerbit yang masih membangun seperti *What's the Meta Today* (WTM Today). Diasaskan oleh Mariah Ahmad, dana yang kami salurkan membantu meningkatkan usaha kandungan beritanya semasa pandemik. Covid-19 dan kawalan pergerakan setempat menyaksikan lonjakan aktiviti e-sukan di Malaysia dan WTM Media melihat peluang itu untuk bereksperimen dengan format kandungan baharu dan

menyampaikan cerita di belakang tabir kepada peminat e-sukan.

Alatan penerbitan yang kami bangun khas direka untuk membantu organisasi berita membina dan memahami khalayak pasaran serta menjana pendapatan tambahan.

Alatan seperti *CrowdTangle* membolehkan penerbit mendapatkan data dan pandangan berkaitan khalayak dalam pasaran untuk membantu bilik berita mengembangkan kemahiran serta peralatan untuk memahami khalayak digital. Pada masa sama, produk lain termasuk *strim video* dengan iklan, melalui *Instant Article* atau penawaran langganan, semuanya membolehkan penerbit menjana pendapatan dan membangun pendapatan baharu.

Kami sedia maklum produk dan perkhidmatan percuma sangat berharga bagi penerbit kecil serta penerbit baharu. Mereka amat memerlukan sokongan dan mendapat banyak manfaat apabila dapat mencapai penonton baharu. Namun, penerbit perlu memastikan mereka dapat membangunkan bakat dan kemahiran bilik berita untuk memanfaatkan sepenuhnya peluang yang dihasilkan oleh teknologi untuk bilik berita.

Facebook (FB) komited menyokong penerbit dalam membina perniagaan yang lebih kukuh dan beralih ke digital, sekali gus menjamin masa hadapan ke wartawan di Malaysia dan Asia Pasifik.

Penulis Pengarah Perkongsian Berita, Facebook Asia Pasifik

dialog kotaraya oleh juragan

